

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 10 FEBRUARI 2024  
AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 16

## 'Boleh hubungi Jabatan Perangkaan'

### PADU

## 'Boleh hubungi Jabatan Perangkaan'

**Kuantan:** Rakyat negara ini yang tidak pasti atau bimbang menjadi mangsa penipuan *scammer* berkaitan sistem Pangkalan Data Utama (Padu) diminta menghubungi Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata langkah itu untuk mengelak pihak tidak bertanggungjawab cuba mengambil kesempatan.

Katanya, tiada sebarang caj yang dikenakan membolehkan bantuan yang disediakan dari segi pendaftaran dan mengemaskini data melalui sistem berkenaan.

"Setakat ini, kunjungan dari rumah ke rumah tidak menyeluruh tetapi kita mendekatinya secara ber-sasar seperti komuniti Orang Asli, rumah orang tua dan warga emas.

"Tetapi tiada sehingga membuat banci pergi ru-

mah ke rumah cuma mengedar risalah berkaitan sistem Padu. Jika ke rumah, ia akan dilaksanakan bersama ketua komuniti bagi mengelak menjadi mangsa scammer," katanya pada sidang media di Pusat Khidmat Masyarakat Jabatan Penerangan Negeri Kuantan di Pusat Transformasi Bandar (UTC) Pahang di sini semalam.

Mohd Uzir berkata, sejak dilancarkan pada 2 Januari lalu, seramai 2.82 juta ra-

kyat negara ini mendaftar dan mengemaskini maklumat dalam sistem Padu sehingga kelmarin.

Katanya, setakat ini, pihaknya berpuas hati kerana jumlah rakyat yang mendaftar sistem Padu menunjukkan peningkatan.

"Oleh itu, kita akan memperbanyak siri sesi jelajah ke kawasan dikenal pasti dan strategik termasuk bekerjasama dengan pelbagai agensi," katanya.